



Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Hartaku Hak Siapa.”

Tarikh : 27 Oktober 2021

Pengacara Majlis : Puan Norlela binti Jemaron

Bacaan Doa : Encik Abdul Majid bin Dollah

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi Renungan Pagi ini Ustaz Hamka Idris, Penceramah Agama/Perunding Wasiat/Professional Learning Facilitator@MHI Training & Consultancy. bersama moderator, Puan. Noor Hidayah binti Haji Ahmad, Pegawai Psikologi, Pusat Kaunseling UTM telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk “Selepas Aku Tiada : Hartaku Hak Siapa.”

Ringkasan daripada tajuk yang telah dikongsikan adalah menerangkan hak yang wajib ditunaikan kepada harta pusaka. Apabila ahli keluarga meninggal, waris hendaklah memberikan keutamaan untuk menunaikan harta ahli keluarga yang meninggal bagi pengurusan jenazahnya yang merangkumi proses memandikan, mengkafankan, solat dan kebumikan jenazah.

Kedua, waris perlu cakna hutang ahli keluarga yang meninggal seperti fidyah puasa, nazar puasa dan hutangnya dengan manusia. Sekiranya ada lebih harta perlu laksanakan badal hajinya.

Wasiat ahli keluarga yang meninggal perlu diberikan kepada bukan ahli waris iaitu kadarnya 1/3 daripada hartanya. Pembahagian faraidh kepada waris perlu dilakukan sewaktu masih hidup dan hendaklah mendapat persetujuan dari semua ahli keluarga.

Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

